



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Institut Pendidikan Guru Malaysia

**PENGAMBILAN CALON GURU TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP)  
AMBILAN JUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa warganegara Malaysia lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2018, 2019 dan 2020 yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).

**A. LALUAN PERDANA**

**1. KETERANGAN PROGRAM**

- 1.1 Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**
- 1.2 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
- 1.3 Pemohon dikehendaki mengikuti **Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)** selama dua belas (12) bulan atau tiga (3) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.4 Pemohon yang **LULUS PPISMP** akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian **PISMP** selama empat (4) tahun atau dua belas (12) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.5 **PPISMP** dan **PISMP** dilaksanakan secara Sepenuh Masa.

**2. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS**

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Umur tidak melebihi 20 tahun pada **30 Jun 2021** iaitu lahir pada atau selepas **30 Jun 2001**.
- 2.3 Sihat tubuh badan.
- 2.4 Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- 2.5 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh gred **cemerlang** dalam mana-mana **lima (5) mata pelajaran**.

- 2.6 Memperoleh sekurang-kurangnya gred **kepujian** dalam mata pelajaran yang berikut iaitu:
- i. Bahasa Melayu;
  - ii. Sejarah; dan
  - iii. Bahasa Inggeris
- 2.7 Memenuhi **syarat bidang pengkhususan. (Rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan *online*) LAMPIRAN A**

### 3. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

#### 3.1 Sekolah Kebangsaan (SK)

BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.1.1	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah	3.1.9	Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah
3.1.2	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.1.10	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
3.1.3	Matematik Pendidikan Rendah	3.1.11	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
3.1.4	Sains Pendidikan Rendah	3.1.12	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.1.5	Sejarah Pendidikan Rendah	3.1.13	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.1.6	Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah	3.1.14	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
3.1.7	Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah	3.1.15	Bimbingan dan Kaunseling
3.1.8	Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah	3.1.16	Bahasa Iban Pendidikan Rendah

#### 3.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.2.1	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah	3.2.9	Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah
3.2.2	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.2.10	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
3.2.3	Matematik Pendidikan Rendah	3.2.11	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
3.2.4	Sains Pendidikan Rendah	3.2.12	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.2.5	Sejarah Pendidikan Rendah	3.2.13	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.2.6	Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah	3.2.14	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan

3.2.7	Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah	3.2.15	Bimbingan dan Kaunseling
3.2.8	Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah	3.2.16	Bahasa Cina Pendidikan Rendah

### 3.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.3.1	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah	3.3.9	Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah
3.3.2	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.3.10	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
3.3.3	Matematik Pendidikan Rendah	3.3.11	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
3.3.4	Sains Pendidikan Rendah	3.3.12	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.3.5	Sejarah Pendidikan Rendah	3.3.13	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.3.6	Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah	3.3.14	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
3.3.7	Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah	3.3.15	Bimbingan dan Kaunseling
3.3.8	Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah	3.2.16	Bahasa Tamil Pendidikan Rendah

## B. LALUAN MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)

### 1. KETERANGAN PROGRAM

- 1.1 Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Laluan Khas Murid Berkeperluan Khas (MBK).**
- 1.2 Program ini dikhususkan untuk calon murid berkeperluan khas bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
- 1.3 Pemohon dikehendaki mengikuti **Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)** selama dua belas (12) bulan atau tiga (3) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.4 Pemohon yang **LULUS PPISMP** akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian **PISMP** selama empat (4) tahun atau dua belas (12) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.5 **PPISMP** dan **PISMP** dilaksanakan secara Sepenuh Masa.

### 2. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS

- 2.1 Warganegara Malaysia.

- 2.2 Umur tidak melebihi 22 tahun pada **30 Jun 2021** iaitu lahir pada atau selepas **30 Jun 1999**.
- 2.3 Sihat tubuh badan (tidak termasuk konteks ketidakupayaan dan tertakluk kepada pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bil.2/2017).
- 2.4 Boleh mengurus diri sendiri.
- 2.5 Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- 2.6 Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- 2.7 Memperolehi sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam **mana-mana 6** mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris serta **LULUS** Sejarah dengan **mengambil kira** syarat akademik yang ditetapkan.
- 2.8 Memenuhi **syarat bidang pengkhususan. (Rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan online) LAMPIRAN A**

### 3. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

#### 3.1 Sekolah Kebangsaan (SK)

BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.1.1	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah	3.1.6	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
3.1.2	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.1.7	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.1.3	Matematik Pendidikan Rendah	3.1.8	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.1.4	Sains Pendidikan Rendah	3.1.9	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
3.1.5	Sejarah Pendidikan Rendah	3.1.10	Bimbingan dan Kaunseling

#### 3.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.2.1	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah	3.2.7	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.2.2	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.2.8	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.2.3	Matematik Pendidikan Rendah	3.2.9	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
3.2.4	Sains Pendidikan Rendah	3.2.10	Bimbingan dan Kaunseling
3.2.5	Sejarah Pendidikan Rendah	3.2.11	Bahasa Cina Pendidikan Rendah
3.2.6	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah		

### 3.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.3.1	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah	3.3.7	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.3.2	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.3.8	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.3.3	Matematik Pendidikan Rendah	3.3.9	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
3.3.4	Sains Pendidikan Rendah	3.3.10	Bimbingan dan Kaunseling
3.3.5	Sejarah Pendidikan Rendah	3.3.11	Bahasa Tamil Pendidikan Rendah
3.3.6	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah		

#### C. CALON TIDAK LAYAK MEMOHON

1. Pemohon yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di institusi-institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Pemohon yang dikenakan tindakan tatatertib atau sedang dalam proses tindakan tatatertib semasa dalam perkhidmatan awam atau latihan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.
3. Pemohon yang pernah mengikuti program ikhtisas di Institut Pendidikan Guru, tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan daripada program.
4. Pemohon yang pernah atau sedang disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah atau tindakan mahkamah.

#### D. CARA MEMOHON

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian (**online**) dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia di alamat : <https://pismp.moe.gov.my> mulai **15 Mac 2021**.
2. **Permohonan akan ditapis berdasarkan syarat kelayakan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh KPM.** Pemohon yang terpilih mesti menduduki dan **LULUS** Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) dan perlu menyediakan rakaman video pengajaran (VP) dan video kecergasan fizikal (VKF).
3. Pemohon dinasihatkan melayari laman sesawang : <https://pismp.moe.gov.my> bagi mendapatkan **maklumat iklan, Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), penyediaan video pengajaran (VP), video kecergasan fizikal (VKF), syarat bidang pengkhususan serta kalendar aktiviti** sebelum membuat permohonan.
4. Pemohon dibenarkan mengemukakan **SATU (1)** permohonan dan **boleh mengemaskini pada bila-bila masa sahaja sehingga tarikh permohonan ditutup.**
5. Permohonan hendaklah **disahkan dan dihantar** sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima nombor rujukan sebagai pengesahan.

6. Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

#### **E. MAKLUMAT DAN PERHATIAN**

1. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian hendaklah bersetuju dan patuh dengan terma-terma dalam surat tawaran dan Perjanjian Pendidikan Guru KPM Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
2. Pemohon perlu menyemak tarikh-tarikh penting (LAMPIRAN B) Proses Pengambilan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Jun 2021, walau bagaimanapun KPM berhak meminda sebarang aktiviti dan tarikh mengikut keperluan semasa.

#### **PERINGATAN**

**Pemohon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian.**

#### **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 APRIL 2021 (11.59 MALAM)**

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan:

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
ARAS 1 – 3 , BLOK 2250**

**JALAN USAHAWAN 1, 63000 CYBERJAYA**

(u.p: Jabatan Pengambilan dan Penempatan, Pusat Hal Ehwal Pelajar)

No. Telefon : 03-8312 6720/ 6693/ 6731/ 6768/ 6760/ 6733

URL : <http://ipgm.moe.edu.my/>

Emel : [jpp@ipgm.edu.my](mailto:jpp@ipgm.edu.my)